



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KERANGKA KEMODENAN KESUSASTERAAN ABDULLAH MUNSHI
DALAM SYAIR PILIHAN***

RAHIMAH BINTI HAMDAN

FBMK 2021 29



**KERANGKA KEMODENAN KESUSASTERAAN ABDULLAH MUNSHI
DALAM SYAIR PILIHAN**

Oleh

RAHIMAH BINTI HAMDAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

KERANGKA KEMODENAN KESUSASTERAAN ABDULLAH MUNSHI DALAM SYAIR PILIHAN

Oleh

RAHIMAH BINTI HAMDAN

Februari 2021

Pengerusi : Profesor Madya Arba'ie bin Sujud, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini membincangkan kemodenan kesusasteraan dalam syair-syair Melayu berdasarkan kerangka Abdullah Munshi. Bertitik tolak dengan kedatangan kolonial British ke Alam Melayu sekitar abad ke-19 Masihi, masyarakat di rantau ini diperkenalkan dengan satu bentuk genre baharu dalam korpus kesusasteraan mereka. Genre tersebut ialah autobiografi yang bersumberkan kemodenan sastera di Barat. Menerusi pengenalan genre baharu ini, penjajahan British dirasionalkan menerusi sumbangan keilmuan mereka kepada negeri-negeri jajahan khususnya Alam Melayu. Rentetan daripada itu, muncul Abdullah Munshi sebagai pemangkin gaya penulisan baharu dalam konvensi kesusasteraan Melayu. Penulisan yang menolak bentuk puisi dijadikan sandaran kepada penobatan Abdullah Munshi sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Namun, meneliti karya-karya awal beliau, didapati bentuk syair digunakan sebagai wahana pertama rakaman peristiwa realiti dan bukannya karya prosa yang diangkat oleh kemodenan sastera Barat. Dengan menggunakan analisis kandungan sebagai metodologi kajian, beberapa aktiviti dilakukan bagi mencapai objektif kajian. Aktiviti dimulai dengan mengenalpasti ciri-ciri kemodenan sastera Abdullah Munshi menerusi perspektif dua kelompok sarjana iaitu sebelum dan selepas merdeka sehingga kini. Aktiviti diteruskan dengan mengenalpasti makna realiti menurut perspektif masyarakat Melayu tradisional dan dihubungkan dengan penggolongan syair oleh beberapa sarjana mengikut tema tertentu berteraskan kepada konsep 'kesedaran diri sastera' oleh V.I.Braginsky. Ini membawa kepada dapatan kajian pertama iaitu pembinaan kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi berteraskan kepada konsep realisme dan individualisme. 'Realisme' merangkumi penekanan kepada logik dan penolakan kepada tahyul dan khurafat serta 'individualisme' mementingkan penekanan kepada pandangan individual dan penolakan kepada autoriti institusi. Seterusnya, klasifikasi syair berteraskan realiti mengikut tema berjaya diperolehi yang dianalisis menggunakan kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi. Dapatan

kedua diperolehi iaitu lima syair pilihan menepati kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi yang diperjelaskan menerusi hubungan syair dengan khalayaknya, penaung kerja penulisan serta pengarangnya. Kesimpulannya, syair adalah bukti keintelektualan dan kegemilangan keilmuan Melayu yang terlebih dahulu mencapai kemodenan sastera sebelum pengenalan autobiografi oleh Barat dengan kebaharuan dalam kajian menerusi pembinaan Kerangka Kemodenan Sastera Rahimah-Arbaie.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of requirement for the degree of Doctor of Philosophy

ABDULLAH MUNSHI'S FRAMEWORK OF MODERNITY IN LITERATURE ON SELECTED SYAIR

By

RAHIMAH BINTI HAMDAN

February 2021

Chairman : Associate Professor Arba'ie bin Sujud, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research discussed the literary modernity in Malay poems (*syair*) based on Abdullah Munshi's framework. Starting from the arrival of the British colonies in the Malay world around the 19th century, people in this region were introduced with a new form of genre in their literary corpus. The genre is an autobiography attained from literary modernity in the West, which directly assists in the validation of their position as contributors of knowledge in the colonies especially in the Malay world. From that, emerged Abdullah Munshi as a catalyst for new forms of writing in the Malay literature convention. A form of writing that rejects poetry was the basis for Abdullah Munshi's coronation as the Father of Modern Malay Literature. However, when researching Abdullah Munshi's early works, it was found that he highlighted *syair* as the first medium of recording of the Singapore fire event and not proses which was held high by Western literary modernity. Thus, the research methodology employed content analysis and activities to achieve the research objectives. The research started by identifying various scholars' perspective before and after independence regarding Abdullah Munshi's literary modernity which was finished with the construction of his literary modernity framework based on the application of realism and individualism as the research finding. Realism is based on the emphasis towards logic and the rejection of superstitions, while individualism is based on the individual's view and the rejection of institutional authority. The research is then continued by the meaning of reality from the perspective of traditional Malay society and connecting it to *syair* classification by several scholars based on certain themes. The second research finding produced a *syair* classification which is based on all levels of society (from the royals to the common folk) that was represented by five selected poems. The activity continued by analysing five selected *syair* based on Abdullah Munshi's literary modernity framework. Thus, it has been concluded that all selected *syair* are completely fulfilled the proposed framework. The contribution of knowledge in this study is that an autobiography is not the initial genre that agrees with

Abdullah Munshi's literary modernity framework, but it is actually Malay poems (*syair*). Finally, it can be summarised that *syair*, as proof of intellectual and glory of Malay knowledge, had firstly achieved literary modernity before the arrival of British colonies, notwithstanding the framework of Rahimah-Arbaie Literary Modernity as the novelty of the research.



PENGHARGAAN



Bismi'llah itu suatu firman
Fardulah kita kepadanya iman
Muttasil pula dengan Rahmar^{SEP}
Hasil maksudnya pada yang budiman
(*Syair Perang Mengkasar*)

Demikianlah mukadimah yang diwariskan oleh cendekia zaman silam mengiringi setiap permulaan kerja kepengarangan dengan memasukkan segala puji-pujian kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, agar urusan karang-mengarang sentiasa dirahmati dan dipermudahkan urusannya. Syukur Alhamdulillah, penulisan tesis ini dapat diselesaikan seiring dengan proses mematangkan dan mendewasakan diri selama hampir dua dekad perjalanan kehidupan. Syukur ke hadrat Allah SWT atas segala izin dan kasih sayangNya, tesis ini dapat diselesaikan sehingga ke titisan tinta yang terakhir.

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud selaku penyelia utama tesis ini yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, cetusan semangat dan motivasi agar terus berjuang menyelesaikan tesis ini sehingga ke bait ayat yang penghujung. Ucapan berbanyak terima kasih jua kepada penyelia bersama tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Roslina Abu Bakar dan Dr. Halis Azhan Mohd. Hanafiah atas galakan dan bimbingan sepanjang menyudahkan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada beberapa para pensyarah yang sentiasa menyumbang idea dan membakar semangat menulis tesis ini seperti Puan Asmah Shukri, Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, Prof. Madya Dr. Shaiful Bahri Md. Radzi, Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Prof. Dr. Muati @ Zamri Ahmad, Dr. Suryadi Sunuri serta beberapa pensyarah lain yang mungkin tidak dapat disebutkan namanya dalam penghargaan ini. Hanya kepada Allah SWT sahaja dipanjatkan doa agar dapat membalas segala kebaikan yang dicurahkan kepada saya.

Doa saya jua kepada kedua guru yang mencetuskan semangat untuk menceburi dunia akademik iaitu Yang Disayangi Allahyarhamah Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Hj. Salleh dan Yang Dikasihi Allahyarham Dr. Fauzi Hj. Masurori atas ilmu yang dicurahkan semasa hayat keduanya. Semoga Allah SWT

sentiasa mencucuri rahmat dan menempatkan mereka dalam kalangan hambaNya yang diredhai. Amin.

Tesis ini tidak mampu disudahi tanpa iringan doa yang tidak putus-putus oleh kedua ayahanda dan bonda yang sangat dikasihi iaitu Hj. Hamdan Abd. Kadir dan Hajah Siti Rahmah Hj. Mohd. Zain, dan semua ahli keluarga yang sentiasa mengutus doa untuk kejayaan penulisan ini. Teristimewa kepada suami tercinta, Prof. Ir. Dr. Shahrum Abdullah dan buah hati pengarang jantung kami iaitu Imran, Nuha dan Ikhwan, tiada kata dapat diucapkan atas jalinan kesabaran, ketabahan, kekuatan dan penat jerih mengutus doa dan sokongan sepanjang proses yang sangat lama bergelumang dengan tesis ini.

Kepada semua ahli keluarga dan sahabat-handai yang tidak dapat disebutkan namanya dalam ruangan penghargaan yang terhad ini, terima kasih sepenuh jiwa, keikhlasan kalian amatlah dihargai sepanjang hayat dikandung badan.

Ya Allah, Ya Hayyu, Ya Barik, Yang Maha Hidup dan Maha Kekal selamanya. KepadaNya diserahkan segala pembalasan baik kerana berupaya mengerti dan memahami perjuangan ilmu ini yang akhirnya mampu disempurnakan atas izin Allah SWT.

الحمد لله

Rahimah Hamdan

PA-A-09-02, Block A, Pearl Avenue Condominium
Jalan Pasir Emas, Sungai Chua,
43000 Kajang,
Selangor.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina binti Abu Bakar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Jun 2021

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Permasalahan Kajian	3
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Batasan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Definisi Operasional	7
	1.7.1 Kemodenan	7
	1.7.2 Syair	8
	1.7.3 Realiti	9
	1.7.4 Realisme	9
	1.8 Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Sorotan Literatur Perkembangan Syair Melayu	11
	2.3 Sorotan Literatur Syair Menurut Pelbagai Disiplin	13
	2.4 Sorotan Literatur mengenai Abdullah Munshi dalam Kesusasteraan Melayu	20
	2.5 Sorotan Literatur mengenai Kemodenan dalam Kesusasteraan Melayu	26
	2.6 Kesimpulan	33
3	METODOLOGI KAJIAN	34
	3.1 Pengenalan	34
	3.2 Ciri-ciri Kemodenan Sastera Abdullah Munshi	36
	3.2.1 Perkembangan Kemodenan Barat dan Hubungan dengan Alam Melayu	37
	3.2.2 Ciri-ciri Kemodenan Sastera Abdullah Munshi berdasarkan Perspektif Sarjana	39
	3.2.2.1 Perspektif Sarjana Sebelum Merdeka (1957)	41
	3.2.2.2 Perspektif Sarjana Selepas Merdeka (1958 hingga kini)	46

3.2.3	Rumusan Konsep Kemodenan Sastera Abdullah Munshi	51
3.3	Syair Melayu sehingga Abad ke-19 berunsur Realiti	53
3.3.1	Perspektif Realiti Masyarakat Melayu Tradisional	53
3.3.2	Klasifikasi Syair Menurut Realiti	57
3.4	Kesimpulan	63
4	ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN	64
4.1	Pengenalan	64
4.2	Ciri yang membentuk Kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi	64
4.2.1	Realisme	65
4.2.2	Individualisme	67
4.3	Syair Pilihan Berdasarkan Kerangka Kemodenan Sastera Rahimah-Arbaie	72
4.3.1	Syair berasaskan Realiti mengikut Tema	72
4.3.2	Syair Pilihan Berdasarkan Realisme	74
4.3.2.1	Penekanan kepada Logik	75
4.3.2.2	Penolakan kepada Tahyul dan Khurafat	112
4.3.3	Syair Pilihan berdasarkan Individualisme	113
4.3.3.1	Penekanan kepada Pandangan Individual	113
4.3.3.2	Penolakan kepada Autoriti Institusi	121
4.4	Unsur Kemodenan Sastera dalam Syair-syair Pilihan Berdasarkan Kerangka Rahimah-Arbaie	126
4.4.1	Syair dengan Khalayaknya	127
4.4.2	Syair dengan Penaung Kerja Penulisannya	128
4.4.3	Syair dengan Pengarangnya	129
4.5	Kesimpulan	131
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	132
5.1	Rumusan	132
5.1.1	Kenal Pasti Ciri-ciri yang Membentuk Kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi	132
5.1.2	Analisis Syair-syair Pilihan berdasarkan Kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi	133
5.1.3	Unsur Kemodenan Sastera dalam Syair-syair Pilihan berdasarkan Kerangka Abdullah Munshi	133
5.2	Implikasi Kajian	134
5.3	Kebaharuan	134
5.4	Cadangan	135
5.5	Kesimpulan	135

RUJUKAN	136
LAMPIRAN	155
BIODATA PELAJAR	175
SENARAI PENERBITAN	176



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
4.1	Pengeluaran abu daripada Gunung Berapi Tambora 97
4.2	Usaha Masyarakat Menghadapi Kebuluran akibat Bencana Alam dalam Syair 102
4.3	Lokasi Kematian Selepas Bencana Alam 103
4.4	Keadaan Mayat Selepas Bencana Alam 104
4.5	Syair-syair Pilihan berdasarkan Kerangka Kemodenan Sastera Rahimah-Arbaie 126
C.1	Rumusan Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut para sarjana 160
D.1	Klasifikasi syair dengan fokus kepengarangan penyair 161

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Carta Alir Aktiviti Penyelidikan	35
3.2 Klasifikasi Syair Sejarah berasaskan Realiti Kehidupan Masyarakat	62
4.1 Kerangka Kemodenan Sastera Rahimah-Arbaie	71
B.1 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut Alfred North	156
B.2 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut J.R. Logan	156
B.3 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut R.J. Wilkinson	157
B.4 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)	157
B.5 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut C. Skinner	158
B.6 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut Ismail Hussein	158
B.7 Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut H.F.O.B. Traill	158
B.8 Kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir	159
B.9 Kerangka Kemodenan Abdullah Munshi menurut Noriah Taslim	159

SENARAI SINGKATAN

SPM	Syair Perang Mengkasar
SPTRPM	Syair Peri Tuan Raffles Pergi ke Minangkabau
SKB	Syair Kerajaan Bima
SDB	Syair Dagang Berjual Beli
STP	Syair Tengku Perabu di Negeri Singapura



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedatangan Barat ke Alam Melayu seawal abad ke-16 Masihi berbekalkan tujuan asal untuk mencari pengaruh perdagangan yang baharu di rantau ini. Tarikan untuk menguasai Alam Melayu yang kaya dengan hasil buminya serta penyebaran agama Kristian menyebabkan berlaku persaingan antara kuasa-kuasa besar Eropah sepanjang tiga abad pertama iaitu antara tahun 1511 sehingga 1800 Masihi. Namun, mereka didapati tidak berminat untuk mengetahui serta mendalami kebudayaan dan kesusasteraan masyarakat peribumi (Sweeney, 1987).

Walau bagaimanapun, perkembangan Revolusi Perindustrian di Eropah pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 menyaksikan kehairahan para kolonial ini yang bukan sekadar mengaut keuntungan hasil bumi tetapi meninggalkan 'sesuatu sumbangan keserjanaan' kepada peribumi yang dijajah (Ismail Hussein, 1974; Sweeney, 1987; Cohn, 1996). 'Sumbangan keserjanaan' ini secara langsung dapat merasionalkan kehadiran mereka ke Alam Melayu sebagaimana pendapat Cohn (1996) bahawa penjajahan adalah sebuah teater eksperimentasi yang menukarkan 'ilmu kepada kuasa' (*Knowledge to Power*). Fenomena ini diperhebatkan dengan perkembangan pemikiran Barat oleh Teori Darwinisme dan Teori Evolusi Budaya (*Evolutionary Positivism*) pada abad ke-19 Masihi. Nyata, teori-teori evolusi ini meletakkan kelebihan kepada bangsa Eropah (kulit putih) dengan jolokan sebagai ras tertinggi ketamadunan dalam hierarki manusia yang bertanggungjawab memimpin manusia-manusia lain (Said, 1978; Noriah Taslim, 2016). Ini memunculkan konsep 'Pencerahan Timur' (*Oriental Enlightenment*), '*white man's superior*' dan '*white man's burden*' sehingga mewajarkan proses pembaratan atau permodenan dunia Timur (Fanon, 1994; Clarke, 1997).

Secara tidak langsung, masyarakat dunia kini diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu 'yang menjajah' (*superior*) dan 'yang dijajah' (*inferior*) yang merelevankan kolonialisasi Barat sehingga ke Alam Melayu. Maka berlakulah eksploitasi terhadap peribumi yang dijajah sebagai satu proses penambahbaikan mulia dan berunsur pendidikan (Alatas, 1972a; 1972b). Selain daripada penyelidikan saintifik terhadap flora dan fauna Alam Melayu yang dimuatkan dalam jurnal-jurnal kolonial mereka, usaha lain yang dilakukan demi merasionalkan kehadiran mereka adalah penelitian terhadap sejarah kesusasteraan Melayu (Sweeney dan Phillips, 1975). Mereka berpendapat bahawa hasil akal budi peribumi yang terkarang dalam helaian manuskrip itu adalah, 'penuh dengan ketahyulan' dan tidak mendatangkan manfaat kepada khalayaknya (Wilkinson, 1907). Fenomena ini merangsang sesuatu yang

signifikan perlu dilakukan kepada sejarah kesusasteraan Melayu. Bermula dari sinilah, acuan kepengarangan Barat diperkenalkan kepada korpus kesusasteraan Melayu sehingga melonjakkan nama Abdullah Munshi sebagai agen 'pembaharuan' atau 'kemodenan' dalam kesusasteraan Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Syair amat sinonim dengan peribumi Melayu kerana menerusinya bahasa dan tulisan dapat dihubungkan dengan indah. Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1972) berpendapat bahawa 'bahasa' dan 'tulisan' adalah elemen yang menggambarkan akal budi dan pemikiran masyarakat yang menghasilkannya. Pendapat Al-Attas (1972) diperkuatkan oleh Braginsky (1993) yang menyatakan bahawa kebudayaan Melayu pada zaman kegemilangannya melihat dunia sebagai satu 'buku' yang ditampilkan menerusi 'kesusasteraannya'. Para pengarang yang menghasilkannya digelar sebagai 'pekerjaan kalam' (*the deeds of the reed pen*) atas kemampuan golongan ini mengarang sesuatu berteraskan tanggungjawab kepada Pencipta (Allah SWT) dalam bentuk prosa atau puisi. Karya berbentuk puisi inilah yang menghasilkan 'syair' di Alam Melayu sehingga mendapat tempat yang padu di hati peribumi Melayu. Sweeney (1971: 57) berpendapat bahawa istilah 'syair' mula digunakan secara meluas oleh para pengarang selepas Hamzah Fansuri seperti dalam *Syair Perang Mengkasar* pada tahun 1670 Masihi.

Para sarjana Barat yang meneliti puisi Melayu menyatakan kesungguhan dan minat mereka kepada pengkajian pantun berbanding syair (Winstedt, 1940). Ini disebabkan ketidakupayaan mereka memahami perlambangan dan makna yang terungkap menerusi bait-bait perkataan dalam syair. Misalnya, Wilkinson (1907) berpendapat bahawa setiap pengarang Melayu adalah 'pencinta perkataan' (*a lover of words*) kerana penggunaan ayat berbunga-bunga penuh perlambangan semata-mata menyampaikan satu hasrat atau tujuan. Ketidadaan perincian sebaliknya dipenuhi 'perulangan' tambah menghilangkan minat khalayak Eropah untuk menghargai karya tersebut (Wilkinson, 1907: 9). Berteraskan kepada alasan-alasan inilah yang mewajarkan kolonial Barat melakukan satu 'pembaharuan' kepada kesusasteraan Melayu menerusi Abdullah Munshi. Maka travelog *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dikarang pada 1838 yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat di Pantai Timur. Sejak itu, Abdullah Munshi terus melengkapi 'pembaharuan' dalam kepengarangan Melayu sebagaimana yang diidamkan oleh Barat sehingga terkarangnya autobiografi Melayu pertama beliau pada tahun 1843 bertajuk *Hikayat Abdullah* (Skinner, 1959; Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000). Kemuncak pengiktirafan Abdullah Munshi adalah pada 1959 apabila beliau dinobatkan sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' (Skinner, 1959). Secara rasminya memberi impak kepada kesusasteraan Melayu yang realitinya terbahagi kepada dua penzamanan (*periodisation*) iaitu tradisional dan moden (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000).

1.3 Permasalahan Kajian

'Kemodenan' sastera oleh Abdullah Munshi amat dipengaruhi oleh aliran realisme Barat yang menekankan kepada bentuk prosa dan pemerian realiti (Bradbury, 1988; Furst, 1992). Meneliti kajian terkini para sarjana mengenai Abdullah Munshi mendapati bahawa pengkaji seperti Alan Chong (2018), Gorlaeva (2019) dan Baharuddin Ahmad (2020) tidak menghubungkan tokoh tersebut dengan kemodenan sastera yang diangkat olehnya. Misalnya Alan Chong (2018) berpendapat bahawa *Hikayat Abdullah* merupakan idea 'orang asing' (*foreign ideas*) dengan dua tujuan penghasilannya. Tujuan pertama adalah untuk memperkuat paparan kebudayaan masyarakat tempatan manakala tujuan kedua untuk mempropagandakan serta memalukan golongan tempatan tersebut (Alan Chong, 2018: 220). Demikian juga dengan Gorlaeva (2019) yang memperkatakan mengenai kehebatan Abdullah Munshi sebagai seorang berketurunan Arab dan bukan Melayu tulen tetapi dipilih sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Modern'. Beliau turut tidak menyentuh mengenai kemodenan sastera yang diperkenalkan oleh Abdullah Munshi dalam kajian ini. Kajian terkini oleh Baharuddin Ahmad (2020) juga tidak menyentuh mengenai idea kemodenan sastera sebaliknya lebih menumpukan kepada perincian buku teks *Bahawa ini Hikayat Binatang* karangan Abdullah Munshi pada 1846 sebagai karya pertama berbahasa Melayu yang membicarakan binatang menurut perspektif sains moden. Ini memperkukuhkan bahawa terdapat jurang penyelidikan berhubung kajian kemodenan sastera oleh Abdullah Munshi dalam jangkamasa terdekat ini.

Apatah lagi kemodenan sastera Abdullah Munshi tidak pernah dihubungkan dengan genre puisi seperti syair. Fenomena ini secara tidak langsung telah mengenenipkan kehebatan puisi terutama 'syair' yang sebelum ini merupakan lambang 'ketinggian akal budi' Melayu (Phillips, 1981; Matheson, 1987; Kratz, 1991; Braginsky, 2004; Warnk, 2009). Sebagaimana menurut Al-Attas (1968a), syair merupakan peninggalan sastera tulisan yang diperkenalkan oleh agama Islam ke Alam Melayu. Bentuk yang awalnya berkembang di istana dan kemudiannya dihasilkan oleh para pengarang dalam kalangan kaum wanita (Mulaika Hijjas, 2010). Daripada karya syair yang menggabungkan sintesisme Hindu dan Islam, syair berkembang kepada paparan realiti seperti *Syair Siti Zubaidah Perang China* dan *Syair Sinyor Kosta*. Ini adalah kerana perkembangan pemikiran pengarang yang terdedah kepada perubahan zaman terutama kesan daripada kolonialisasi Barat yang meninggalkan perubahan besar terutama kepada bentuk pengkaryaan syair.

Penelitian daripada kajian terkini mendapati tiada yang menyumbang kepada kemodenan sastera dalam syair. Misalnya kajian oleh Wieringa dan Pudjiastuti (2020) lebih menjurus kepada genre syair panji manakala Rusnila Hamid et.al (2019) membincangkan mengenai hubungan syair dengan semangat kebangsaan masyarakat Kalimantan Barat. Sorotan lalu yang mendekati kajian ini hanyalah oleh Al-Attas (1972) dengan kajian syair Hamzah Fansuri yang dinobatkan sebagai pencabar tokoh kemodenan sastera Abdullah Munshi.

Sejak itu, wujud jurang penyelidikan apabila tiada sarjana yang mengembangkan kajian beliau terhadap bentuk syair dan hubungannya dengan kemodenan sastera. Namun, kajian ini bertitik-tolak daripada pendapat Wilkinson (1907) yang secara tidak sengaja mengakui bahawa bentuk terawal yang digunakan oleh Abdullah Munshi dalam merakamkan realiti kebakaran besar-besaran di Singapura pada tahun 1830 adalah bentuk syair. Pernyataan beliau ini telah memberi laluan baharu kepada pengkajian syair sebagai genre yang mendahului travelog *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dan autobiografi *Hikayat Abdullah* dalam aspek 'kemodenan sastera'. Apatah lagi J.T. Thomson menggelar Abdullah Munshi sebagai 'jurnalisme' disebabkan oleh peristiwa Singapura terbakar dalam *Hikayat Abdullah* yang bersumber daripada *Syair Singapura Terbakar* itu (Thomson, 1984). Tambahan pula Sweeney (2006) menobatkan *Syair Singapura Terbakar* sebagai karya terbaik jurnalisme Melayu memandangkan pada ketika itu surat khabar rasmi masih belum diterbitkan di Singapura. Ini diperkukuhkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2000: 105), bahawa R.J.Wilkinson seperti mengiktiraf bentuk puisi (syair) sebagai medium menyalurkan peristiwa tragedi tersebut (Wilkinson, 1907). Kenyataan inilah yang memotivasikan kajian agar konsep 'kemodenan sastera' dilakukan terhadap syair sebagai bukti keintelektualan bangsa yang selama ini dinafikan oleh sarjana Barat. Apatah lagi kajian terkini hanya menekankan aspek pemikiran dalam syair sahaja. Justeru, ini merelevankan kajian 'kemodenan sastera' terhadap syair-syair Melayu dilakukan dengan lebih telus dan adil berdasarkan tiga persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah ciri-ciri yang membentuk kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi
- ii. Bagaimanakah analisis syair-syair pilihan berdasarkan kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi
- iii. Apakah unsur kemodenan sastera dalam syair-syair pilihan berdasarkan kerangka Abdullah Munshi

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti ciri-ciri yang membentuk kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi
2. Menganalisis syair-syair pilihan berdasarkan kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi
3. Merumuskan unsur kemodenan sastera dalam syair-syair pilihan berdasarkan kerangka Abdullah Munshi

Ketiga-tiga objektif ini adalah teras utama bagi penemuan kajian dan seterusnya merealisasikan unsur 'kemodenan' syair dalam pensejarahan kesusasteraan Melayu yang merupakan sumbangan utama kajian ini.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan unsur kemodenan dalam syair-syair Melayu pilihan berdasarkan kemodenan sastera yang menobatkan Abdullah Munshi sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden'. Batasan dibentuk berdasarkan tiga objektif kajian iaitu:

Objektif 1:

Batasan kepada ciri-ciri yang membentuk kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi sehingga dinobatkan sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' adalah perspektif beberapa sarjana yang dominan pengaruhnya terhadap isu ini. Kelompok yang pertama adalah barisan sarjana sebelum merdeka (1957) seperti Alfred North (Skinner, 1978), J.R. Logan (Logan, 1849), R.J.Wilkinson (Wilkinson, 1907), R.O. Winstedt (Winstedt, 1940) dan Zainal Abidin Ahmad (Zainal Abidin Ahmad, 1940). Manakala, kelompok kedua selepas merdeka sehingga kini dibatasi kepada Cyril Skinner (Skinner, 1959), Ismail Hussein (Ismail Hussein, 1966), H.F.O.B. Traill (Traill, 1979), Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2001) dan Noriah Taslim (Noriah Taslim, 2016). Justifikasi pemilihan skop ini adalah kerana para sarjana di atas merupakan sarjana tersohor yang menjadi rujukan kepada kemodenan sastera Abdullah Munshi dalam Kesusasteraan Melayu. Maka pada akhir objektif 1, satu kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi dapat dibina dengan lebih rinci bagi memudahkan proses analisis terhadap syair-syair terpilih.

Objektif 2:

Batasan kepada pengenalpastian dan pemilihan syair untuk kajian ini adalah menerusi penelitian kepada Catalogue of Malay, Minangkabau and South Sumatran Manuscripts in the Netherlands (Vol.I dan II) yang diselenggarakan oleh Teuku Iskandar pada 1999, Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (Perpustakaan Negara Malaysia), Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (Perpustakaan Negara Malaysia), Indonesian Manuscripts in Great Britain (Ricklefs, Voorhoeve dan Gallop, 2014) serta Early Malay Printed Books (Proudfoot, 1993). Kemudian, syair-syair tersebut dibahagikan mengikut realiti kehidupan masyarakat berdasarkan konsep 'kesedaran diri sastera' (literary self-awareness) oleh V.I. Braginsky. Penelitian mendapati terdapat lebih kurang lima puluh dua (52) syair yang melaporkan peristiwa realiti iaitu yang benar-benar berlaku di Alam Melayu (sila lihat Lampiran A). Walau bagaimanapun, hanya 5 syair sahaja dipilih atas justifikasi dikarang mendahului genre autobiografi Hikayat Abdullah pada 1843 iaitu Syair Perang

Mengkasar pada 1670, Syair Peri Perjalanan Tuan Raffles ke Minangkabau dikarang pada 1818, Syair Kerajaan Bima pada 1830, Syair Dagang Berjual Beli pada 1830 dan Syair Tengku Perabu di Negeri Singapura pada tahun 1835. Analisis terhadap syair pilihan menggunakan kerangka Kemodenan Sastera Abdullah Munshi dilakukan yang seterusnya memberi justifikasi penentuan batasan kajian ini dilakukan.

Objektif 3:

Batasan kajian kepada rumusan unsur kemodenan sastera dalam syair pilihan berdasarkan kerangka Abdullah Munshi dihadkan hanya kepada ciri-ciri yang membina kerangka tersebut. Unsur kemodenan sastera Abdullah Munshi yang menepati syair pilihan akan dirumuskan secara menyeluruh sehingga akhirnya membawa kepada 'kebaharuan' dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan syair untuk kajian ini adalah disebabkan akrobnya bentuk ini dengan individu Melayu pada zaman tradisional dan terus digemari (*evergreen*) sehingga awal abad ke-20. Syair tidak dipilih berdasarkan abad tetapi terbatas kepada tahun dikarang yang dikenal pasti terhasil lebih awal daripada penulisan autobiografi *Hikayat Abdullah* oleh Abdullah Munshi. Apatah lagi, kajian ini hanya menumpukan 'isi kandungan' dalam syair serta mengeneipkan penelitian terhadap pola dan bentuk yang dikaji oleh para penyelidik lain.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dilakukan kerana impaknya kepada dua komponen utama iaitu dalam sudut keilmuan dan kesusasteraan itu sendiri. Misalnya dari sudut keilmuan, didapati kebanyakan disiplin ilmu menjadikan hasil keserjanaan Barat sebagai landasan atau model utama yang digunapakai sejak zaman kolonialisasi di Alam Melayu lagi. Ini adalah rentetan oleh kemelut peribumi yang terpesona dengan kepesatan perkembangan sains dan teknologi Barat sehingga menjadikan semua yang diperkenalkan oleh Barat adalah sesuatu yang terbaik dan sempurna. Akibatnya, peribumi Melayu tidak mampu menangkis apatah lagi menolak apa-apa model keilmuan yang diperkenalkan oleh Barat sebaliknya menerima dan beradaptasi dengan sebarang perubahan. Justeru, kajian ini akan membuktikan bahawa peribumi Melayu telah memahami dan mencapai erti 'kemodenan' dalam kepengarangan mereka sebelum kedatangan Barat lagi. Secara langsung, pengenalpastian ciri kemodenan sastera dan pembinaan kerangka 'kemodenan sastera' Abdullah Munshi dalam objektif 1 dapat merealisasikan tujuan kajian ini.

Jika ditinjau daripada sudut kesusasteraan pula, kajian ini penting untuk menilai semula kerangka Barat terutama dalam penentuan penzamanan dalam kesusasteraan Melayu yang memisahkan era tradisional dengan moden. Kerangka tradisional-moden acuan Barat ini terus digunakan dalam pengajian kesusasteraan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Malah,

institusi tertentu yang diamanahkan memperjuangkan bidang kesusasteraan di Malaysia turut memperakui kerangka tradisional-modern sebagai landasan utama kesusasteraan di Malaysia. Maka, kajian ini penting dilakukan agar dapat meletakkan pensejarahan kesusasteraan Melayu menurut kerangka Melayu itu sendiri dan bukan bersandarkan kepada acuan binaan Barat. Demikian juga terhadap usaha memartabatkan syair Melayu yang merupakan lambang keintelektualan dan keunggulan peribumi Melayu yang perlu diperjuangkan. Ini secara langsung menjawab kepentingan objektif 2 agar warisan syair sebagai bukti keintelektualan bangsa ini dapat terus dibanggai oleh generasi akan datang.

Kajian ini juga dapat mengangkat syair Melayu sebagai medium yang '*versatile*' atas kemampuan luar biasa merakamkan pelbagai episod kehidupan khususnya bersumberkan realiti berteraskan 'bahasa yang indah'. Oleh itu, kajian ini bermanfaat kepada para penggiat dan penyelidik sastera, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka dan institusi lain agar turut berganding bahu memajukan korpus kesusasteraan Melayu menurut acuan Melayu-Islam sebagai paksi kehidupan dan bukannya terus menilai karya peribumi menurut acuan Barat. Akhirnya, syair sebagai bentuk yang mengandungi unsur kemodenan sastera dapat dibuktikan dan seterusnya menjawab kepentingan objektif yang terakhir

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah tertentu didefinisi secara operasional agar dapat memberi konotasi yang jelas terhadap beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini iaitu kemodenan, syair, realiti dan realisme.

1.7.1 Kemodenan

'Kemodenan' atau '*modernity*' berasal daripada etimologi 'modern' daripada bahasa Latin '*modernus*' (Macey, 2000: 259). Menurut Macey (2000: 259), '*modern*' dihubungkan dengan perkembangan industrialisasi yang merupakan lawan kepada 'tradisional'. Ellmann dan Feidelson (1965: v-ix) pula berpendapat bahawa definisi '*kemodenan*' (*modernity*) saling berubah mengikut kesesuaiannya. Misalnya dalam bidang kesusasteraan Inggeris, istilah '*modern*' melalui perubahan semantik yang didasari oleh hubungannya dengan ciri kontemporari dan nostalgia sejarah selaras dengan kesedaran baharu dalam pemikiran manusia (Bradbury dan McFarlane, 1991: 22). Ini diperjelaskan dengan pendapat Bronowski dan Mazlish (1960: 16) yang menghubungkan '*kemodenan*' dengan korpus kesusasteraan. Menurut beliau, '*kesusasteraan*' perlu dilihat sejak zaman 'Kebangkitan Semula' (*Renaissance*) dalam peradaban Barat yang bertanggungjawab membentuk konsep manusia '*modern*' sebagai seorang '*individual*' (Bradbury dan McFarlane, 1991: 22). '*Proses modernisation*' Barat seterusnya didefinisikan oleh Max Weber (1864

hingga 1920) sebagai satu proses rasionalisme dan sekularisme yang membentuk kekecewaan manusia. Beliau mendefinisikan 'masyarakat moden' sebagai kelompok yang rasional tanpa dibayangi oleh kepercayaan magikal dan animistik (Buchanan, 2018: 260).

Dalam dunia kesusasteraan, 'modernisme' awalnya telah memberi transformasi yang hebat kepada revolusi seni di Eropah dan Amerika Syarikat terutama berhubung ekspresi dan penyampaian dalam karya pada 1870 sehingga Perang Dunia Kedua (Bradbury, 1988: 1-24). Ini diakui oleh Poplawski (2003: 342) yang mengaitkan 'modernisme' dengan perubahan yang berlaku dalam kesusasteraan. Menurut beliau, 'modernisme' banyak mencabar konvensi dalam kesusasteraan meliputi teknik naratif, gambaran watak dan 'rujukan diri pengarang' (Poplawski, 2003: 342). Meneliti konsep 'moden' dalam kesusasteraan Melayu mendapati bahawa konsep tersebut belum lagi kukuh dan konkrit permaknaannya. Kajian awal dalam konteks pensejarahan Melayu dilakukan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972: 4) yang berpendapat bahawa masyarakat Melayu melalui satu zaman 'moden' setelah mereka memeluk agama Islam. Johns (1979: 32) pula menyatakan bahawa 'kemodenan' dalam kesusasteraan adalah kebebasan memasukkan pandangan peribadi dan analisis pengarang terhadap kehidupan sekitarnya. Manakala Pramoedya Ananta Toer (1982: 11-12) pula berpendapat bahawa karya yang disifatkan sebagai 'moden' adalah karya yang menampilkan gaya penulisan baharu dan cara berfikir. Ini dirumuskan oleh Hadijah Rahmat (2001: 31) bahawa unsur 'kemodenan' dalam kesusasteraan Melayu dan Indonesia adalah kemasukan unsur realisme, individualisme, rasionalisme, pembaratan (*Westernisation*), etos Melayu, diterima oleh khalayak, kesedaran nasionalisme dan internasionalisme dalam karya. Justeru dalam kajian ini, 'kemodenan' dalam kesusasteraan Melayu adalah konotasi terhadap ciri-ciri atau sifat-sifat pembaharuan dalam penulisan yang diperkenalkan oleh Barat terhadap kesusasteraan Melayu berteraskan objektiviti dalam setiap pelaporan. Kajian ini mengambil kira unsur 'kemodenan' dalam genre syair sebagai wadah yang paling diminati dan terbanyak dihasilkan oleh para pengarang Melayu sehingga abad ke-19.

1.7.2 Syair

Kamus Dewan (2013: 1557), mendefinisikan 'syair' sebagai karangan bersajak, iaitu tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat baris yang sama bunyinya. Manakala menurut Zainal Abidin Ahmad (2002: 232) syair adalah "karangan berangkap yang empat-empat kerat serangkap, hujung tiap-tiap keratnya bersamaan bunyi, kebiasaannya terselit pemikiran pengarangnya yang cantik dan tinggi serta dilafazkan dengan bahasa yang indah [...]". Justeru dalam kajian ini, 'syair' adalah untaian kata yang indah, ditulis menggunakan daya estetika dan keintelektualan pengarangnya. Apatah lagi kemampuan pengarang menggunakan bentuk ini untuk melaporkan apa-apa sahaja peristiwa penting yang berlaku menurut pengalaman atau pengamatan pancainderanya menerusi garapan bahasa yang ringkas, padat dan penuh

indah, menepati kehebatan pemikiran pengarang Melayu yang dinafikan oleh Barat (penerangan lebih lanjut dibincangkan dalam Bab 2).

1.7.3 Realiti

Pengertian umum 'realiti' adalah satu keadaan, kenyataan ataupun hakikat yang benar-benar terjadi dan nyata (Yacobi, 2013). 'Realiti' juga mewakili keadaan 'sesuatu' sama ada objek, persepsi, perlakuan yang sebenarnya wujud secara nyata dan bukan khayalan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2018). Manakala, 'realistik' berasal daripada bahasa Latin '*realis*' yang didefinisikan oleh Bloch et.al (1977) sebagai sesuatu yang nyata dan dapat dinikmati oleh pancaindera lima secara objektif. Justeru, definisi 'realiti' atau 'realistik' berdasarkan kajian ini adalah sesuatu yang konkrit dan objektif bersaksikan pandangan mata dan beberapa pancaindera yang lain.

1.7.4 Realisme

Realisme merupakan satu aliran yang muncul pada penghujung kurun ke-19. Inilah aliran yang memperkenalkan 'novel' sebagai wadah utama bermula di Perancis, England dan akhirnya berkembang ke seluruh dunia. Realisme juga merupakan aliran yang terhasil akibat reaksi masyarakat Eropah dalam menghadapi Revolusi Perindustrian yang banyak menyebabkan kebobrokan masyarakat terutama kepada masyarakat marhaen (biasa) (Furst, 1992: 7; Ungku Maimunah Mohd.Tahir, 2010: 176-177). Elemen yang dititik-beratkan oleh aliran ini adalah penekanan kepada 'kebenaran', ketelusan, penggunaan bahasa yang mudah dan kepentingan keaslian dalam setiap cetusan fikiran terutamanya berhubung dengan fakta yang serius (Furst, 1992: 2-3). Pendapat ini terlebih dahulu dinyatakan oleh tokoh E. Auerbach menerusi karyanya '*Mimesis*' sebagai satu paparan realiti yang komprehensif di mana pengarang memasukkan perspektifnya terhadap tempat, kejadian sehari-hari yang memperihalkan kehidupan masyarakat bawahan pada sesuatu masa yang spesifik dalam sejarah (Furst, 1992: 3-6). Ini bermakna aliran 'realisme' mementingkan fakta yang kukuh serta impresi individu yang jujur dalam kehidupan. Sehubungan itu dalam konteks kajian ini, 'realisme' adalah satu aliran diperkenalkan oleh Barat ke Alam Melayu yang mementingkan ketepatan fakta dan pemerian secara jujur berdasarkan pancaindera lima yang dimiliki oleh setiap manusia. Sesuatu yang menarik adalah, penolakan kepada sebarang unsur berbau keagamaan dan etika dalam penulisan menyebabkan aliran ini amat 'asing' dengan konvensi kepengarangan Melayu yang diwarisi sekian lama.

1.8 Kesimpulan

Syair sebagai pancaran akal budi Melayu merupakan genre yang paling mendapat tempat di hati para pengarang sehingga abad ke-19. Sehubungan itu, adalah tidak adil mengenepikan kajian 'kemodenan sastera' Abdullah Munshi terhadap bentuk syair sebagai wadah yang paling digemari masyarakat Melayu ketika itu. Inilah 'kebaharuan' dalam kajian ini yang akan dihuraikan dengan lebih mendalam oleh bab-bab seterusnya.



RUJUKAN

- A. Bakar Hamid. (1979). *Diskusi Sastera, Jilid II: Kesusasteraan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. (2004). *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Abdul Mutalib Abdul Ghani. (1983). *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mutalib Embong dan Ahmad Murad Merican. (2013). Abdullah Munsyi- A Modern Malay Intellectual of New Century. *Proceedings of The 3rd Annual International Conference*, anjuran Universiti Syiah Kuala, 2 hingga 4 Oktober, Banda Aceh, Indonesia.
- Abdul Rauf Hassan Azhari, Khairul Amin Mohd. Zain, Wan Norainawati Hamzah dan Abdul Halim Salleh. (2005). *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Abshire, J.E. (2011). *The History of Singapore*. Santa Barbara: Greenwood.
- Abu Hassan Sham. (1993). *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. (1995). *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahlstrom. S.E. (1972). *A Religious History of the American People*. New Haven: Yale University Press.
